

Tangkapan berkaitan dadah meningkat

Posted on April 23, 2015, Thursday

Oleh Jeremy Lanson //

Situasi gejala salah guna dadah di Sarawak bagaimanapun tidak membimbangkan



MOHON KEBERKATAN: Lukas (kiri) bersama beberapa pegawai polis yang hadir pada upacara tersebut.

KUCHING: Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Negeri merekodkan jumlah tangkapan sehingga 2,000 orang atas kesalahan penyalahgunaan dadah untuk tempoh empat bulan pertama tahun ini sehingga semalam.

Ketua JSJN Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak Superintenden Lukas Aket memberitahu jumlah itu adalah peningkatan berbanding tempoh yang sama tahun lepas sejajar dengan usaha untuk terus memerangi gejala tersebut.

Menurutnya, selain positif dadah terlarang, terdapat juga suspek yang ditahan kerana dipercayai terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah.

“Sungguhpun terdapat peningkatan dalam jumlah tangkapan, namun situasi berhubung aktiviti penyalahgunaan dadah di negeri ini masih belum membimbangkan seperti beberapa negeri lain di negara ini.

“Bagaimanapun, kita akan terus tingkatkan operasi untuk memerangi aktiviti ini.

“Tangkapan sehingga semalam dicatatkan mencecah 2,000 orang atas pelbagai kesalahan membabitkan dadah termasuk aktiviti pengedaran dan memiliki dadah terlarang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Kebaktian Sempena Hari Polis Ke-208 di Gereja Saint Basil, Batu Kawa di sini semalam.

Selain itu, Lukas turut mengajak orang ramai untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis berkaitan aktiviti penyalahgunaan dadah agar tindakan dapat diambil dengan segera.

“Orang ramai perlu beri kerjasama dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan jangan takut kerana saya beri jaminan identiti mereka (pemberi maklumat) akan dirahsiakan,” katanya.

Upacara keagamaan tersebut semalam merupakan acara tahunan yang dihadiri oleh semua pegawai dan anggota polis beragama Kristian terutama di sekitar bandar raya Kuching.